

15 AUG 1996

SARAWAK; POLIS TIDAK BERCADANG TAMBAH ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Polis tidak bercadang menambah kekuatan anggotanya di Sarawak bagi menghadapi pilihan raya negeri itu.

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata saiz anggota polis yang ada di Sarawak sekarang pada umumnya sudah mencukupi.

Bagaimanapun perkara itu akan dilihat dari semasa ke semasa dan bergantung kepada keperluan serta keadaan di negeri itu sepanjang tempoh pilihan raya nanti, kata beliau.

"Pada umumnya, saya rasa Sarawak mempunyai anggota yang mencukupi...kalau ada tambahan pun ialah pada bahagian-bahagian tertentu sahaja," katanya kepada pemberita selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Ibu Pejabat Polis Persekutuan Bukit Aman, di sini hari ini.

Beliau berkata jika tambahan dibuat, ia adalah untuk bahagian-bahagian tertentu seperti Cawangan Khas dan unit teknikal.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sarawak petang ini bagi membolehkan pilihan raya negeri yang ketujuh diadakan. -- BERNAMA

SN NMO